

Pelajar asing timba pengalaman hidup di desa

Sabak Bernam: Seramai 55 pelajar dari 15 negara gembira menghayati keindahan suasana desa melalui program Silang Budaya Bersama Inap Desa anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di Inap Desa Kampung Air Manis di sini.

Program berakhir malam kelmarin, membabitkan pelajar dari Nigeria, Sudan, Pakistan, Turki, China, Jerman, Yaman, Palestin, Iran, Iraq, Somalia, Bangladesh, Tanzania, Tajikistan dan Cameroon yang kini mengikuti pengajian di peringkat program doktor falsafah (PhD) dan ijazah pertama di UPM.

Melalui program selama tiga hari bermula Ahad lalu, pelajar terbabit berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti desa termasuk sukan rakyat, mencanting batik, menggagau ikan, melawat Bukit Melawati, Kuala Selangor dan pantai Bagan Nakhoda Omar (BNO), selain melihat kelip-kelip di Sungai Panjang, melawat galeri padi serta terbabit dalam istiadat perkahwinan masyarakat Melayu.

Pelajar yang sedang mengikuti pengajian PhD Catalysis dari Nigeria, Nasar Mansir, 36, berkata



Peserta program Silang Budaya Bersama Inap Desa anjuran UPM bergambar di Inap Desa Kampung Air Manis, Sabak Bernam.

[FOTO MOHD SHUKOR MOHD AMIN /BH]

beliau tertarik dengan makanan dan budaya di Malaysia terutama masyarakat Melayu, selain kagum dengan kemesraan penduduk menyambut mereka.

“Kebanyakan makanan di sini agak pedas tetapi sedap dan ia

sangat berbeza dengan makanan di negara kami,” katanya.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dari Jerman, Dominic Giappisell, 23, berkata selepas dua minggu berada di sini, beliau mula menyukai

negara ini kerana keunikan masyarakat berbilang kaumnya.

Peserta pertukaran pelajar dari Turki, Merul Kuses, 23, pula menyatakan kekagumannya terhadap kemesraan masyarakat di negara ini yang mementingkan ka-

sih sayang, sikap saling membantu dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

Menikmati keriangan zaman muda

“Di negara saya, kebanyakannya masyarakatnya hanya mementingkan kerjaya dan kebendaan. Kanak-kanak dan remaja di Turki juga tidak berkesempatan menikmati keriangan zaman muda mereka berbanding di negara ini yang penuh dengan pengisian hidup dengan kegembiraan melakukannya aktiviti bersama,” katainya.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Seksyen Jalinan Global, Pusat Antarabangsa UPM, Ida Su-haila Md Tahir, berkata kebanyakannya pelajar yang menyertai program ini datang secara sukarela kerana mahu menikmati sendiri keindahan dan suasana kehidupan desa di negara ini.

“Program ini dapat memperkenalkan Malaysia kepada masyarakat dunia dan pelajar asing ini menjadi duta kecil yang dapat memberi gambaran jelas mengenai keindahan negara ini sebagai lokasi yang berbaloi dilawati,” katanya.